



KENYATAAN MEDIA

RESPONS MRT CORP TERHADAP MEMORANDUM DARIPADA IKHLAS

Kuala Lumpur, 9 Mac 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin menjelaskan isu yang telah dibangkitkan oleh organisasi bukan kerajaan Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS) yang mendakwa mewakili pemilik lot strata tertentu di Pusat Membeli Belah Ampang Park.

Isu ini dibangkitkan dalam memorandum yang telah diserahkan kepada MRT Corp pagi ini.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah mengulangi fakta bahawa tawaran untuk perjanjian bagi kewujudan bersama (*mutual agreement*) pemilik lot strata Pusat Membeli Belah Ampang Park memerlukan 100% pemilik lot bersetuju dengan perjanjian tersebut.

"Syarat 100% persetujuan itu tidak dikenakan MRT Corp kepada pemilik tetapi adalah satu undang-undang yang perlu dipatuhi," kata beliau.

Najmuddin menjelaskan bahawa persetujuan kesemua 253 pemilik lot strata adalah diperlukan kerana pembinaan terowong MRT dan laluan pejalan kaki antara Stesen MRT Ampang Park akan datang dan Stesen LRT Ampang Park sedia ada melibatkan kawasan pemilikan bersama (*common property*) bangunan yang telah dinyatakan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengurusan Strata 2013," ujar beliau.

Penyediaan integrasi yang lancar di antara Stesen MRT Ampang Park dan Stesen LRT adalah penting untuk membolehkan penumpang bertukar dari Laluan SSP dan Laluan LRT Kelana Jaya yang sedia ada dengan mudah. Tanpa integrasi ini, kedua-dua laluan tidak akan dapat dihubungkan sama sekali.

"Oleh itu, persetujuan daripada semua pemilik adalah diperlukan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengurusan Strata 2013," ujar beliau.

"Perjanjian kewujudan bersama pemilik ini boleh mengelakkan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Malahan, ia juga membolehkan Pusat Beli Belah Ampang Park terkecuali daripada dirobohkan," tambah beliau.



Namun begitu, tawaran yang telah dibuat pada tahun 2015 tidak diterima oleh pemilik dan sekumpulan daripada 39 pemilik yang memiliki sejumlah 62 unit strata seterusnya telah memulakan semakan kehakiman terhadap pengambilan tanah.

Najmuddin menegaskan bahawa keputusan bagi semakan kehakiman, pengesahan pengambilalihan Pusat Beli Belah Ampang Park telah ditentukan terlebih dahulu oleh Mahkamah Tinggi Malaysia pada 30 Jun 2016 dan kemudiannya oleh Mahkamah Rayuan pada 18 Januari 2017. Kedua-dua mahkamah telah membuat keputusan yang memihak kepada Kerajaan.

Permohonan rayuan telah dibuat oleh 39 pemilik untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan. MRT Corp sedang menunggu keputusan permohonan itu dan akan mematuhi keputusan Mahkamah.

"Berhubung dengan gesaan agar pihak polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyiasat perkara tersebut, MRT Corp mengalu-alukan mana-mana pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan ke atas tuduhan yang telah dibuat berhubung dengan pengambilan Pusat Beli-Belah Ampang Park," kata Najmuddin.

Tambah beliau, MRT Corp bersedia untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa bagi memudahkan penyiasatan.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my